

LAMPIRAN 9
KOSMO! (NEGARA): MUKA SURAT 14
TARIKH: 9 OGOS 2019 (JUMAAT)

Pekerja buat solat hajat sejak 2018

KUANTAN - Pekerja kilang memproses nadir bumi, Lynas Malaysia Sdn. Bhd. (Lynas) mengadakan solat hajat setiap minggu bermula tahun lalu memohon supaya dipermudahkan urusan mereka.

Perkara itu dikongsikan Pengerusi Sumber Manusia Lynas, Jumaat Mansor yang berkata, solat hajat yang diadakan setiap Khamis di kilang mereka di Gebeng di sini supaya operasi syarikat itu dapat diteruskan.

“Kami memilih untuk menganjurkan solat hajat di masjid negeri kerana hari ini (kelmarin) mengikut tarikh kalendar Islam ialah 6 Zuhijah 1440H dan banyak kelebihan yang ada pada 10 hari pertama bulan tersebut.

“Sudah tentu, bulan ini juga adalah bulan kemuncak untuk Lynas yang bakal menentukan hala tuju seterusnya kerana keputusan berhubung operasi kami akan diketahui pada 15



JUMAAT (empat dari kiri) turut menunaikan solat hajat yang diadakan di Masjid Sultan Ahmad 1, Kuantan kelmarin.

Ogos,” katanya.

Jumaat berkata demikian pada taklimat ringkas sempena Ceramah Perdana dan Solat Hajat anjuran Lynas di Masjid Negeri Sultan Ahmad 1 di sini, kelmarin.

Pada taklimat itu, Jumaat

berkata, Lynas berdepan dengan ramai pihak yang membuat andaian tidak tepat berhubung operasi mereka menuntut supaya kilang tersebut yang menjadi punca rezeki kepada hampir 1,000 individu ditutup. - Bernama